



**GARIS PANDUAN PENTADBIRAN
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA
NEGERI PULAU PINANG
2017**

[UNTUK KEGUNAAN DALAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SAHAJA]

1.0 TUJUAN

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 1.0 (*Plastic Bag 1.0*) yang telah dilaksanakan dari 2009 hingga 2016 selama tujuh (7) tahun memerlukan semakan semula bagi memastikan kempen ini sentiasa berdaya saing dan mengikut perkembangan semasa. Matlamat utama Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik demi kepentingan alam sekitar. Justeru itu, Garis Panduan Baharu bagi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 2.0 (*Plastic Bag 2.0*) disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi penambahbaikan pelaksanaan *Plastic Bag 1.0* yang dilaksanakan oleh Negeri Pulau Pinang.

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memelihara, memulih serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Pulau Pinang.

Penggunaan beg plastik tanpa kawalan mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. Beg plastik mengambil masa 400 hingga 1000 tahun untuk mereput sepenuhnya sebelum ia menjadi partikel halus. Beg plastik biasanya dihasilkan dari bahan kimia bertoksik seperti xylene, ethylene oxide dan benzene yang mampu memudaratkan alam sekitar dan kesihatan. Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma telah diperkenalkan di Pulau Pinang sebagai salah satu teras utama dalam pelaksanaan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang*.

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma bermula pada 1hb Julai 2009, iaitu pada setiap hari Isnin pertama setiap bulan. Kempen ini kemudiannya diperluaskan kepada tiga (3) hari seminggu iaitu pada Isnin, Selasa dan Rabu bermula 1hb Januari 2010. Pada tahun 2011, kempen ini diperluaskan lagi kepada setiap hari untuk perniagaan tertentu, khususnya hypermarket, supermarket, departmental stores, farmasi, restoran makanan segera, rangkaian nasi kandar dan kedai serbaneka (termasuk kiosk stesen minyak). Perniagaan yang lain seperti pasar mini dan premis perniagaan tunggal hanya perlu melaksanakan dasar ini sebanyak tiga hari seminggu sahaja.

Penyediaan Garis Panduan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepada dan holistik. Garis Panduan yang disediakan akan berfungsi sebagai indikator pengukur bagi pelaksanaan dan keberkesanannya Kempen Hari Tanpa Bag Plastik Bag Percuma.

3.0 OBJEKTIF

Objektif utama Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma adalah bertujuan:-

- (i) mengurangkan penggunaan jumlah plastik beg yang memudaratkan alam sekitar;
- (ii) Meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar;
- (iii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau;
- (iv) Mengurangkan perbelanjaan negeri atas kos pelupusan sisa pepejal melibatkan beg plastik; dan
- (v) Sebagai tindak balas ke atas kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan kes banjir kilat dan demam denggi disebabkan oleh pembuangan beg plastik secara berleluasa ke laluan air dan parit.

4.0 PRINSIP DAN KONSEP

Secara asasnya, Kempen *Plastic Bag 2.0* akan menggunakan prinsip dan konsep yang masih mengekalkan kenaan kutipan **RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik** yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis-premis perniagaan yang ditetapkan. Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran, di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) dan juga termasuk beg plastik biodegradasi (*bio-degradable plastic bag*). **Plastik bagi pembungkusan (wrapper) produk/minuman/makanan tidak termasuk sebagai kategori beg plastik yang dikenakan caj RM0.20 sen dalam kempen ini.**

Nilai RM0.20 sen yang dikenakan kepada pengguna adalah belum termasuk 6% kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Premis yang tertakluk dengan GST, bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat GST yang ditetapkan oleh pihak Kastam Di-Raja Malaysia. Kenaan GST akan menjadikan caj sehelai beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna berharga RM0.212 sen [RM0.20 sen x 106%]. Daripada jumlah RM0.212 sen tersebut, RM0.20 sen perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri

dan baki RM0.012 sen perlu diserahkan kepada Kastam Di-Raja Malaysia sebagai GST.

Kutipan terkumpul yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan disalurkan ke **Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang** bagi kegunaan program-program kebajikan masyarakat di Pulau Pinang.

5.0 PUNCA KUASA

Punca kuasa yang digunakan bagi pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* adalah melalui mengenakan syarat tambahan pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan sub-seksyen ini, pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk mewajibkan pengusaha perniagaan supaya turut serta dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma.

6.0 PENAMBAHBAIKAN

Pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Plastik Beg Percuma dari 2009 hingga 2016 (*Plastic Bag 1.0*) secara amnya dilihat telah berjaya mencapai matlamat dalam mengurangkan kadar penggunaan beg plastik di Negeri Pulau Pinang. Selepas tujuh (7) tahun pelaksanaan *Plastic Bag 1.0*, beberapa langkah penambahbaikan perlu dibuat dalam garis panduan *Plastic Bag 2.0* berdasarkan faktor-faktor berikut:-

- (i) Keperluan penjelasan perbezaan prinsip dan konsep antara program beg plastik Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri;
- (ii) Keperluan penyediaan garis panduan baharu yang komprehensif bagi tujuan pematuhan;
- (iii) Penyediaan kaedah pemantauan *self regulatory* bagi memastikan penyertaan menyeluruh oleh semua *stakeholders*;
- (iv) Penegasan mengenai syarat penyaluran sumbangan kutipan kepada Kerajaan Negeri atau agensi yang diberi kuasa bagi semua kutipan di Pulau Pinang;

- (v) Kaedah pengurusan kutipan sumbangan penggunaan beg plastik secara sistematis;
- (vi) Punca kuasa dan penetapan agensi penguatkuasaan untuk tindakan punitif bagi ketidakpatuhan;
- (vii) Penetapan indikator-indikator khusus dalam mengukur pencapaian serta keberkesanan program; dan
- (viii) Pemusatan data pelaksanaan program bagi tujuan laporan dan penambahbaikan di masa hadapan.

Satu Jawatankuasa Teknikal Khas telah dibentuk bagi mengemaskini penampaikan pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* yang dianggotai oleh:-

- (i) Bahagian Perancang EKonomi Negeri Pulau Pinang (BPEN);
- (ii) Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT);
- (iii) Bahagian Teknologi Maklumat dan Komputer Negeri (BTMKN);
- (iv) Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PUU);
- (v) Jabatan Kewangan Negeri (JKN);
- (vi) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
- (vii) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); dan
- (viii) Penang Green Council

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma akan diselaraskan oleh BPEN dan dilaksanakan oleh MBPP dan MPSP.

7.0 PROSES GARIS PANDUAN BAHARU

7.1 PENDAFTARAN BAHARU

- (i) Pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* akan melibatkan premis:-
 - (a) Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);
 - (b) Pasaraya Besar (*Supermarket*);
 - (c) Pasaraya Serbaneka (*Departmental store*);
 - (d) Kedai Serbaneka (*Convenient store*);
 - (e) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - (f) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - (g) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - (h) Farmasi (*Pharmacy*); dan
 - (i) Lain-lain premis berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).

- (ii) Kedai runcit persendirian, pasar awam dan penjaja adalah dikecualikan.
- (iii) Setiap premis perniagaan yang disenaraikan dibawah para 7.1 (i) **sama ada membekalkan atau tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna** perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berikut:-
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); dan
 - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
- (iv) Premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MBPP perlu berdaftar dengan MBPP dan premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di kawasan pentadbiran MPSP perlu berdaftar dengan MPSP.
- (v) Premis perniagaan sedia ada yang telah beroperasi dibawah para 7.1 (i) diberikan tempoh selama **30 hari** untuk membuat pendaftaran dalam kempen *Plastic Bag 2.0* bermula dari **1 Mac 2017 sehingga 31 Mac 2017**.
- (vi) Setiap premis perniagaan baharu di bawah kategori para 7.1 (i) yang baru memulakan perniagaan bermula **1 Mac 2017** dan seterusnya perlu serta merta berdaftar dengan kempen *Plastic Bag 2.0* serentak dengan permohonan lesen premis perniagaan melalui PBT yang berkaitan.
- (vii) Satu pendaftaran adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.
- (viii) Lokasi bagi pendaftaran adalah seperti berikut:-

(a) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Bahagian Pelesenan MBPP
Dewan Bandaraya,
Jalan Padang Kota Lama,
10200 George Town, Pulau Pinang

(b) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Kaunter Berpusat
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan PERDA Utama
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam

- (ix) Masa pendaftaran adalah ISNIN hingga JUMAAT dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- (x) Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan Borang PB-A (**LAMPIRAN A**) mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan photostat:-
 - (a) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); dan
 - (b) Lesen Premis Perniagaan.
- (xi) Setiap premis perniagaan akan diberikan **NOMBOR PENDAFTARAN KEMPEN KHUSUS** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen *Plastic Bag 2.0*.
- (xii) Nombor pendaftaran kempen yang diberikan adalah unik bagi setiap permohonan mengikut daerah dan jenis premis (**LAMPIRAN B**). Nombor pendaftaran kempen yang diberikan akan **KEKAL** dengan premis selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.
- (xiii) Premis perniagaan dibawah para 7.1 (i) yang tidak mempunyai lesen premis perniagaan juga diwajibkan berdaftar dengan pelaksanaan kempen *Plastic Bag 2.0*. **Nombor pendaftaran premis yang tidak mempunyai lesen premis akan diklasifikasikan dengan simbol (X) dipenghujung nombor siri pendaftaran yang diberikan.**

Contoh :

Premis berlesen : **DTL 0001 S**

Premis tidak berlesen : **DTL 0002 S (X)**

- (xiv) Setiap maklumat premis yang berdaftar mesti direkod dalam **DAFTAR PREMIS KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK** di setiap PBT. Maklumat yang diperlukan dimasukkan ke dalam daftar ini adalah sebagaimana maklumat yang diberikan oleh pemohon dalam BORANG PB-A.
- (xv) Daftar ini perlu dikemaskini setiap kali terdapat **pendaftaran baharu** dan **pembaharuan pendaftaran** dibuat oleh pemohon. Daftar yang dikemaskini perlu diserah kepada BPEN setiap suku tahun untuk simpanan rekod.
- (xvi) Setiap premis yang berdaftar dengan PBT akan diberikan SIJIL PENYERTAAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA (**LAMPIRAN C**) yang membenarkan premis membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap helai bag plastik yang dikeluarkan.
- (xvii) Setiap helaian SIJIL PENYERTAAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA yang dikeluarkan mesti dikawal dan direkodkan dalam DAFTAR PREMIS KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK.
- (xviii) SIJIL PENYERTAAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA mesti dipamerkan dengan jelas untuk dilihat oleh pengguna sebagai bukti kebenaran untuk membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna.
- (xix) Hanya premis perniagaan yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan.
- (xx) Premis yang membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui pembatalan lesen premis perniagaan.
- (xxi) Pendaftaran kempen hanya sah untuk tempoh satu tahun dan perlu diperbaharui apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- (xxii) Tempoh sah laku Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.

- (xxiii) Pendaftaran Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

7.2 KADEAH KUTIPAN

- (i) Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dibenarkan untuk mengenakan caj sebanyak RM0.20 sen bagi setiap beg plastik yang digunakan oleh pelanggan di premis tersebut.
- (ii) Kutipan terkumpul bagi penggunaan bag plastik di premis-premis terlibat perlu diserahkan kepada PBT selewat-lewatnya sebelum 15 haribulan setiap bulan berikutnya berbandukan jadual berikut:-

KUTIPAN BULAN	TARIKH SERAHAN
Januari	1 – 15 Februari
Februari	1 – 15 Mac
Mac	1 – 15 April
April	1 – 15 Mei
Mei	1 – 15 Jun
Jun	1 – 15 Julai
Julai	1 – 15 Ogos
Ogos	1 – 15 September
September	1 – 15 Oktober
Oktober	1 – 15 November
November	1 – 15 Disember
Disember	1 – 15 Januari

Nota:

Permohonan bagi melanjutkan tempoh serahan kutipan selepas 15 haribulan kepada PBT adalah berdasarkan kelulusan mengikut kes.

- (iii) Serahan kutipan perlu menggunakan BORANG PB-S (**LAMPIRAN D**) dan dikemukakan di mana-mana kaunter PBT yang berkaitan.
- (iv) Serahan kutipan perlu diserahkan secara individu mengikut premis perniagaan menggunakan **cek** atas nama **MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG** atau **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI** mengikut kawasan premis didaftarkan.

- (v) Serahan kutipan mesti dibuat mengikut PBT di lokasi berikut:-

(a) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Pejabat MBPP
Paras 3, KOMTAR
Jalan Penang
10675 Pulau Pinang

Pejabat MBPP Balik Pulau
1, Jalan Tun Sardon
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang

Pusat Bayaran Setempat MBPP
Jalan Padang Kota Lama
10200 George Town
Pulau Pinang

(b) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Kaunter Berpusat
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan PERDA Utama
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam

- (vi) Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan dibenarkan membuat serahan menggunakan satu cek secara bersekali. Walau bagaimanapun, BORANG PB-S masih perlu diisi mengikut premis yang didaftarkan.

Contoh:-

Syarikat Z mempunyai lima (5) cawangan iaitu A,B,C,D dan E. Cawangan A, B & C beroperasi di kawasan MBPP dan Cawangan D & E beroperasi di kawasan MPSP.

Serahan kutipan bagi cawangan A, B & C perlu dibuat kepada MBPP menggunakan tiga (3) BORANG PB-S bagi setiap cawangan dan boleh disertakan dengan satu cek untuk jumlah kutipan bagi ketiga-tiga

cawangan A, B dan C tersebut. Kaedah yang sama boleh digunakan bagi serahan di MPSP.

- (vii) PBT akan mengeluarkan resit kepada premis yang membuat serahan sebagai bukti penerimaan. Bukti serahan kutipan akan dijadikan syarat bagi memperbarui lesen premis perniagaan.
- (viii) PBT perlu menyalurkan kutipan sumbangan kempen kepada Bendahari Negeri selewat-lewatnya sebelum atau pada 25 haribulan setiap bulan berikutnya kepada BPEN melalui cek atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk dimasukkan ke dalam Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang beserta data jumlah kutipan, daftar premis dan data penggunaan beg plastik yang diperolehi oleh PBT bagi tujuan simpanan rekod.

7.3 PENGECUALIAN KUTIPAN

- (i) Premis perniagaan yang berdaftar dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna perlu juga membuat serahan bulanan kepada PBT menggunakan BORANG PB-S dengan **deklarasi TIADA KUTIPAN**.
- (ii) Premis perniagaan yang menyerahkan BORANG PB-S dengan deklarasi **TIADA KUTIPAN** selama **tiga (3) bulan** berturut-turut boleh mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis kepada PBT bagi pengecualian daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya.
- (iii) Semakan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan bahawa premis perniagaan berkenaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna.
- (iv) Premis perniagaan yang telah disahkan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna akan diberikan **SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG**.
- (v) Premis perniagaan perlu menyerahkan SIJIL PENYERTAAN PREMIS KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG kepada PBT sebagai syarat untuk digantikan dengan SIJIL PREMIS

BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG yang perlu dipamerkan di premis perniagaan.

- (vi) Premis perniagaan yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG tidak perlu lagi membuat serahan kutipan bulanan kepada PBT.
- (vii) SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan setelah ianya tamat tempoh.

8.0 PENUTUP

- 8.1 Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 2017 diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan kepada maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Garis panduan ini diharap akan dapat membantu jabatan dan agensi berkaitan dalam memastikan kelancaran dan keberkesaan pelaksanaan kempen. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak meminda dan menambahbaik garis panduan ini sekiranya perlu berpandukan perkembangan terkini dan keperluan dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian.

LAMPIRAN A

-CONTOH-**BORANG PB-A****PENDAFTARAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG**

1. NAMA PERNIAGAAN :
2. NO. PENDAFTARAN :
3. ALAMAT PREMIS :
4. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGKAN :
5. NO. TELEFON : 6. NO. FAX :
7. EMEL :
8. JENIS PENDAFTARAN : PENDAFTARAN PERTAMA PEMBAHARUAN [SILA TANDAKAN (V)]
9. NO. PENDAFTARAN : (BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA)
KEMPEN
10. KOD JENIS PREMIS : (BAGI PENDAFTARAN PERTAMA SAHAJA)

KOD JENIS PREMIS	
H	Hypermarket
S	Supermarket
D	Departmental Store
C	Convenient Store
F	Fast Food Restaurant
P	Petrol Station Convenient Store
R	Chain Store
Y	Pharmacy
O	Others

Untuk Kegunaan Pejabat:

NO PENDAFTARAN :
 NO SIRI SIJIL :
 TARikh TAMAT PENDAFTARAN :

TANDATANGAN & COP RASMI

LAMPIRAN B**KAEDAH PEMBERIAN NO PENDAFTARAN PREMIS**

CONTOH:

DTL 0001 H

NO SIRI
0001 - 9999

KOD KAWASAN		
DTL	Daerah Timur Laut	MBPP
DBD	Daerah Barat Daya	
SPU	Seberang Perai Utara	MPSP
SPT	Seberang Perai Tengah	
SPS	Seberang Perai Selatan	

KOD JENIS PREMIS	
H	<i>Hypermarket</i>
S	<i>Supermarket</i>
D	<i>Departmental Store</i>
C	<i>Convenient Store</i>
F	<i>Fast Food Restaurant</i>
P	<i>Petrol Station Convenient Store</i>
R	<i>Chain Store</i>
Y	<i>Pharmacy</i>
O	<i>Others</i>

NOTA :


TAMBAHAN (X) DI PENGHJUNG NOMBOR PENDAFTARAN AKAN DIBERIKAN KEPADA
PREMIS YANG TIADA LESEN PREMIS

LAMPIRAN C**-CONTOH-**

NO. SIRI :

**SIJIL PENYERTAAN PREMIS
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG****NAMA PERNIAGAAN : SYARIKAT SAAD & HUSAINI****NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN : P82761599****ALAMAT PREMIS : NO. 1, JALAN 2, LINTANG PERMATANG 3,
65700 SEBERANG PERAI UTARA
PULAU PINANG****NO PENDAFTARAN
KEMPEN : SPU 2314 H****TARIKH SAH SIJIL : 1 JANUARI 2017 – 31 DISEMBER 2017**

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHWA PREMIS PERNIAGAAN INI MERUPAKAN PESERTA DALAM KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SEHUBUNGAN ITU, CAJ RM0.20 SEN YANG DIKENAKAN BAGI PENGGUNAAN SETIAP HELAIAN BEG PLASTIK OLEH TUAN/PUAN AKAN DISALURKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG UNTUK KEGUNAAN AKAUN TABUNG AMANAH KEBAJIKAN NEGERI PULAU PINANG.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

LAMPIRAN D**-CONTOH-****BORANG PB-S**

**BORANG SERAHAN KUTIPAN
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG**

1. NAMA PERNIAGAAN:
2. NO. PENDAFTARAN :
3. SERAHAN BAGI : BULAN TAHUN
4. JUMLAH SERAHAN : RM 5. NO. CEK :
6. REKOD INVENTORI BULANAN UNIT PENGGUNAAN BEG PLASTIK :

BULAN :	TAHUN :
BAKI AWAL	
+ TAMBAHAN INVENTORI	
- PENGGUNAAN BULAN SEMASA	
BAKI AKHIR	

**TANDATANGAN & COP RASMI
PERNIAGAAN**

Nota : Amaun serahan mesti selaras dengan penggunaan bulan semasa.

Untuk Kegunaan Pejabat:

NO. RESIT :

.....

TANDATANGAN & COP RASMI